


Meneroka keunikan puisi moden Melayu

Latif Mohidin, AGI dua tokoh istimewa dan unik dalam landskap sastera kebangsaan



Oleh Haliza Mohamad
bhsastera@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dunia kesusasteraan Melayu moden melahirkan ramai penyair unggul, namun dua nama yang terus kekal segar dalam ingatan pencinta puisi ialah Abdul Latiff Mohidin dan Abdul Ghafar Ibrahim (AGI).

Kedua-duanya bukan sekadar menghasilkan puisi bermutu tinggi, malah memperlihatkan keupayaan luar biasa dalam memperluas sempadan estetika bahasa dan bentuk puisi Melayu.

Malah, Latiff dengan prestij dan reputasinya, bukan sekadar sebagai penyair tetapi juga pelukis dengan ramai penggemar selain puisi-puisinya antara yang basah di bibir penyair muda.

Pensyarah Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Prof Madya Dr Arba'ie Sujud ketika berkongsi kertas kerjanya, *Interprestasi Stilistik dalam Sajak-Sajak Pilihan Latif Mohidin dari Perspektif Puitika Sastera Melayu*, berkata

Latiff dikenali sebagai penyair yang menjadikan bahasa sebagai manifestasi jiwa dan pemikiran, menerusi gaya puitis yang sarat dengan nilai estetika.

Katanya, hal ini boleh dilihat dengan jelas misalnya dalam karya-karyanya yang dirangkum menerusi kumpulan sajak dan sket-sa, *Kembara Malam* terbitan kali pertama pada 1974.

Mengandungi 56 buah sajak, karya itu menurut Arba'ie memancarkan harmoni antara realiti dan imaginasi, mencipta kelainan yang menonjol dalam larik-larik puisi-nya.

"Kemampuannya memilih dan menggayakan diksi terbaik membolehkan beliau menzahirkan makna yang padat dan halus.

"Penggunaan kiasan, simbol alam, permainan bunyi serta irama dalam puisi menjadikan sajak-sajaknya bukan sahaja moden dari segi teknik, malah kekal akrab dengan nilai budaya dan warisan Melayu," katanya ketika tampil

sebagai panel dalam Bengkel Penyelidikan Kajian Pemikiran Penerima Anugerah Sastera Asia Tenggara (SEA Write) 1984. Jika Latiff dikenali dengan gaya puitisnya yang halus, Abdul Ghafar Ibrahim (AGI), penerima SEA Write 2005, pula muncul sebagai penyair yang melanggar konvensi, memimpin pembaharuan dalam bentuk dan struktur puisi menerusi puisi konkrit Tri-V.

AGI disifatkan tidak sekadar menulis, tetapi membina puisi seperti jurutera membina bangunan, dengan ketelitian terhadap bentuk, ruang dan simbol. Hal itu dikongsi-kan Pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Dr Mohd Saipuddin Suliman ketika mengulas mengenai AGI menerusi kertas kerjanya, 'Keunggulan Kejuruteraan Kata dalam Puisi Konkrit TRI-V Abdul Ghafar Ibrahim', berkata kajian terhadap karya Tri-V AGI menunjukkan kekuatan dalam prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian.

Katanya, TRI-V ialah konsep puisi konkrit yang diperkenalkan oleh AGI merangkumi tiga elemen utama, iaitu verbal, vokal dan visual. Mengkaji puisi AGI katanya, memperlihatkan struktur puisi beliau memanfaatkan lesen puitis, onomatopia (perkataan berunsur

Misalnya dalam sajak 'kau tidak mengerti' adalah gambaran dan luahan rasa penyair mengenai kehidupan yang tidak semua orang fahami.

"Setiap puisi bukan hanya alat menyampaikan rasa, tetapi juga wadah menyampaikan falsafah kehidupan dan makna yang mendalam," katanya.

Latiff yang berasal dari Negeri

Antara hasil seni Latif dan AGI yang turut mendahului zaman.



Sembilan adalah lulusan Academy of Fine Arts Berlin (1960-1964) dan penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 1984.

Jika Latiff dikenali dengan gaya puitisnya yang halus, Abdul Ghafar Ibrahim (AGI), penerima SEA Write 2005, pula muncul sebagai penyair yang melanggar konvensi, memimpin pembaharuan dalam bentuk dan struktur puisi menerusi puisi konkrit Tri-V.

AGI disifatkan tidak sekadar menulis, tetapi membina puisi seperti jurutera membina bangunan, dengan ketelitian terhadap bentuk, ruang dan simbol.

Hal itu dikongsi-kan Pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Dr Mohd Saipuddin Suliman ketika mengulas mengenai AGI menerusi kertas kerjanya, 'Keunggulan Kejuruteraan Kata dalam Puisi Konkrit TRI-V Abdul Ghafar Ibrahim', berkata kajian terhadap karya Tri-V AGI menunjukkan kekuatan dalam prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan keperibadian.

Katanya, TRI-V ialah konsep puisi konkrit yang diperkenalkan oleh AGI merangkumi tiga elemen utama, iaitu verbal, vokal dan visual.

Mengkaji puisi AGI katanya, memperlihatkan struktur puisi beliau memanfaatkan lesen puitis, onomatopia (perkataan berunsur

bunyi), manipulasi tipografi dan unsur visual sekali gus menjadikan puisi sebagai pengalaman estetik pelbagai dimensi.

"AGI juga berani membawa pendekatan individualistik dan eksentrik yang mencabar batas

norma. Walaupun pernah disalah tafsir dan dikritik sebagai penyair 'kurang waras' atau 'mengada-ngada', namun AGI kekal teguh dengan prinsipnya.

"Seperti tokoh avant-garde Perancis Appolinaire, AGI membuktikan bahawa keanehan kadangkala adalah tanda kebijaksanaan yang mendahului zaman," katanya.



"Seperti tokoh avant-garde Perancis Appolinaire, AGI membuktikan bahawa keanehan kadangkala adalah tanda kebijaksanaan yang mendahului zaman"

Mohd Saipuddin Suliman

Bukan sekadar penyair

Kongsi Mohd Saipuddin, lebih dari sekadar penyair, AGI juga adalah pelukis, pelakon, deklamator dan aktivis seni.

Keterlibatan luas ini memperkayakan karyanya, menjadikan puisi konkritnya bukan sekadar karya sastera, tetapi juga karya visual dan persembahan yang berimpak tinggi.

Latiff dan AGI mewakili dua jalur yang berbeza dalam landskap puisi Melayu moden.

Latiff menzahirkan keindahan dalam bentuk yang halus dan berseni, manakala AGI menampilkannya kelainan yang berani dan inovatif.

Namun, kedua-duanya berkongsi matlamat yang sama, mengangkat martabat puisi sebagai medan pemikiran, seni dan jati diri bangsa.

Berdasarkan keunikan gaya, keaslian pendekatan dan sumbangan berterusan terhadap dunia sastera, kedua-dua penyair ini telah meletakkan nama mereka dalam kelompok tokoh penting yang memperkayakan dan memodenkan puisi Melayu.

Mereka membuktikan bahawa puisi bukan sekadar kata, tetapi suara zaman, roh budaya dan seni yang hidup.